



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Sinar Harian
Date	25/3/2011



Tun Mahathir menerima cenderamata daripada pihak Mediu usai sesi lawatan beliau ke universiti tersebut, minggu lalu.

Gesa kuasai ilmu

UMAT Islam pada masa kini perlu menguasai pelbagai ilmu supaya mereka dapat mengembalikan semula kegemilangan pemerintahan Islam seperti di Andalusia, Sepanyol suatu ketika dulu.

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, tradisi keilmuan dalam kalangan umat Islam pada kurun ke-16 amat baik mereka mampu menguasai keseluruhan ilmu dan teknologi.

Menurutnya, perkembangan positif itu menyebabkan orang Eropah yang dilanda zaman kegelapan bangkit mempelajari tamadun Islam dan kemudian membina tamadun mereka sendiri.

"Orang Eropah mempelajari ilmu Islam dalam bahasa Arab dan setelah mahir, ilmuwan mereka menterjemah dan membuat uji kaji hasil penemuan ilmuwan Islam dalam bahasa mereka.

"Justeru, umat Islam perlu menuntut ilmu pengetahuan dengan kekayaan yang ada dan menjadikannya sebagai senjata untuk mempertahankan diri daripada ditindas orang lain," kata bekas Perdana Menteri itu.

Beliau berkata demikian ketika berucap semasa sesi lawatan ke Universiti Antarabangsa Al-Medinah (Mediu), baru-baru ini.

Terdahulu, Tun dalam ucapannya berkata, beliau terpegun dengan perkembangan Mediu yang berjaya dalam usahanya menyebarkan ilmu pengetahuan dan membina kemahiran melalui teknologi terkini.

Dalam perkembangan lain, Profesor Dr Muhammad Khalifa al Tamimi berkata, impian Mediu adalah mahu melihat penuntutnya menjadi sarjana Muslim unggul yang menguasai kemahiran dan teknologi-teknologi tersebut.

"Kepakaran yang mereka ada bukan hanya mampu digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran sahaja, bahkan mereka juga akan berkongsi kemahiran yang ada kepada generasi-generasi berikutnya," kata Rektor Mediu.